

PAS akhirnya setuju Khalid ditukar, belum tentukan pengganti MB
Malaysian Insider
July 21, 2014
OLEH ZULKIFLI SULONG, Pengarang Analisis dan Rencana

Selepas beberapa siri perbincangan rasmi dan tidak rasmi di kalangan ahli Pakatan Rakyat, PAS bersetuju menukar Menteri Besar Selangor Tan Sri Khalid Ibrahim, kata seorang pemimpin kanan parti itu.

Bagaimanapun, tiada persetujuan dicapai antara PAS, DAP dan PKR sama ada presiden PKR Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail atau timbalannya Azmin Ali yang akan menjadi menteri besar baharu.

Yang pasti, PAS memutuskan calon menteri besar baharu tidak akan datang daripada parti itu walaupun ia dan DAP masing-masing memegang 15 kerusi dewan undangan negeri di Selangor berbanding 14 dipegang PKR.

"Kita pada dasarnya bersetuju dua perkara iaitu menukar Khalid dan penggantinya bukan PAS tetapi kita masih belum sepakat siapa pengganti itu," kata pemimpin kanan PAS berkenaan kepada The Malaysian Insider.

Akibat tekanan kalangan Pakatan Rakyat, PKR dilaporkan bersetuju menukar Khalid selepas Aidilfitri dan sumber parti mendakwa Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim memilih isterinya untuk jawatan itu.

Wan Azizah, yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kajang, akan jadi faktor penstabil PKR yang dilanda berbagai kontroversi termasuk masalah dalam pemilihan partinya.

Pemimpin PAS yang tidak mahu dinamakan itu berkata, beberapa pimpinan parti tidak setuju Wan Azizah sebagai menteri besar atas alasan agama yang tidak menggalakkan wanita menjadi pemimpin utama.

Bagaimanapun, katanya, masalah juga timbul dengan Azmin di kalangan pimpinan

PAS.

The Malaysian Insider melaporkan sebelum ini Pakatan perlukan sedikit masa untuk menyelesaikan krisis menteri besar Selangor ini kerana faktor penghalang paling utamanya datang daripada Presiden PAS Datuk Seri Abdul Hadi Awang.

Sejak awal, Hadi menentang Langkah Kajang - dikatakan bertujuan menukar Khalid dan meletakkan Anwar sebagai menteri besar - tetapi rancangan itu gagal apabila mahkamah rayuan memutuskan Anwar bersalah dalam kes liwat bekas pembantunya Mohd Saiful Bukhari Azlan, membuatkan dia tidak layak bertanding dalam pilhan raya itu.

Sebaliknya, Wan Azizah yang bertanding dan menang.

Isnin lepas, Setiausaha Agung PAS Datuk Mustafa Ali berkata nasib Khalid akan ditentukan Majlis Presiden Pakatan Rakyat yang akan bersidang tidak lama lagi berhubung perkara ini.

Ia dijangka diadakan sebelum Aidilfitri akan datang, katanya selepas mesyuarat Sekretariat Pakatan Rakyat.

Bercakap di Pulau Pinang pada Sabtu, Anwar berkata pengganti Khalid diputuskan tetapi tidak mahu mendedahkan identitinya.

"Kita belum menamakan sesiapa lagi. Ia perlukan kata sepakat di kalangan Pakatan," katanya.

Anwar berkata, perkara itu dibentangkan dalam mesyuarat sekretariat tersebut.

Khalid sebagai menteri besar selama dua penggal sering dituduh menguruskan Selangor dengan caranya sendiri tanpa meminta pandangan parti atau kepimpinan Pakatan.

Beliau juga dikritik kerana caranya menangani beberapa kes di negeri itu seperti catuan air, rampasan bible versi Iban dan Melayu oleh Jabatan Agama Islam dan keputusannya meneruskan pembinaan Lebuh raya Kinrara Damansara (Kidex).

Sementara pemimpin PKR dan DAP difahamkan bersetuju untuk menukar Khalid, PAS Selangor sebelum ini tidak membuat sebarang keputusan tentang kedudukan Khalid dan mungkin tidak akan memutuskannya tanpa persetujuan pimpinan pusatnya.

Khalid sebelum ini berkata, beliau akan terus menjadi menteri besar sehingga penggalnya tamat apabila pilihan raya umum ke-14 diadakan.

Beliau mendapat tekanan daripada partinya sendiri yang tidak senang dengan cara pentadbiran beliau di Selangor yang membelakangkan parti.

Namun kajian yang dibuat Merdeka Center mendapati rakyat Selangor tidak bermasalah dengan Khalid.

Pengerusi Jawatankuasa Tetap Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan Selangor Datuk Teng Chang Kim ketika mengumumkan hasil kajian itu berkata, kajian yang dijalankan dari 16 Mei hingga 6 Julai tahun ini menunjukkan 54% responden bersetuju kerajaan negeri berada pada hala tuju yang betul manakala 28% lagi berkata sebaliknya.

"Sebanyak 72% responden berpuas hati dengan kualiti hidup dalam masyarakat manakala 25% lagi tidak.

"Seramai 3,472 responden berpandangan kerajaan negeri berada pada hala tuju yang betul manakala 12% memuji pentadbiran negeri dan 11% lagi gembira dengan pembangunan pesat negeri," katanya minggu lalu. – 21 Julai, 2014.

- See more at:
<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-akhirnya-setuju-khalid-ditukar-belum-tentukan-pengganti-mb#sthash.i9x0hIdI.dpuf>

Hakcipta © 2013 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/pas-akhirnya-setuju-khalid-ditukar-belum-tentukan-pengganti-mb>